

# Pelajar Interim UMS anjur Kursus Kem Jalinan 1Malaysia

UB 10.12.15 AG

KOTA KINABALU: Program Kem Jalinan 1Malaysia telah berjaya diadakan baru-baru ini bertempat di SMK Inanam, di sini.

Program bertemakan ‘Sehati Sejiwa’ itu dianjurkan oleh pelajar kursus kokurikulum Interim (Seksyen 1) Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengarah program Norsilah Rabiu berkata, program itu bertujuan menerapkan nilai patriotisme serta perpaduan dalam kalangan generasi muda khususnya generasi Z.

“Kita dapat lihat semangat cintakan negara kita semakin pudar dalam kalangan warga Malaysia terutamanya

generasi muda. Lebih menyediakan lagi, wujudnya masalah perkauman yang telah menjasikan perpaduan serta keharmonian negara kita.

“Perkara ini perlu diberi perhatian dari peringkat akar umbi agar perpaduan nasional yang selama ini menjadikunci kepada kejayaan negara kita dapat disemai semula dan membawa Malaysia ke arah sebuah negara yang lebih sejahtera dan maju di masa hadapan,” katanya.

Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMK Inanam Norhaini Abd Ghani berpendapat program itu sangat penting dan bermanfaat kerana dapat membentuk jadi diri serta sikap yang positif dalam kalangan generasi muda khususnya para

pelajar sekolah.

“Penganjuran aktiviti sebegini mampu menyuntik semangat rasa setia kawan dan sayangkan negara di samping membentuk nilai-nilai positif dalam kalangan pelajar. Kami berharap program sebegini dapat diteruskan lagi demi kebaikan bersama di masa hadapan,” katanya.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program itu berlangsung antaranya explore a race perpaduan, tayangan video serta persembahan lagu patriotik.

Program itu telah dihadiri seramai 37 pelajar Interim berserta jurulatih kursus, Amer Azlan Abdul Jamal serta 160 pelajar SMK Inanam.



PARA pelajar merakam gambar kenangan.